

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL [LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : OKTOBER – DISEMBER 2019**

**SOALAN NO. 340**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- a) Jumlah pemandu yang telah mendapatkan Lesen Kenderaan Pengangkutan Awam (PSV) berbanding yang telah mendaftar dan menghadiri kursus; dan
- b) Masalah yang dihadapi pemandu yang memohon lesen PSV tetapi masih belum menerima lesen tersebut serta langkah-langkah yang diambil untuk mengatasinya.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 19 November 2019, seramai 89,376 orang pemandu e-Hailing telah dilesenkan dengan jumlah yang berdaftar dan menghadiri kursus adalah seramai 118,054 orang calon.
2. Proses pengeluaran Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) Teksi/ Kereta Sewa/ Teksi Mewah/ E-Hailing bermula dengan pemohon menghadiri kursus selama 6 jam dan mendapat slip kehadiran kursus (JPJ L2C). Pemohon kemudiannya menduduki ujian dan hadir pemeriksaan kesihatan menggunakan borang JPJ L8A. Sekiranya calon lulus ujian dengan jayanya, pemohon perlu hadir ke Pejabat JPJ Negeri dan cawangan bagi memohon lesen vokasional tersebut. Dokumen yang perlu disediakan adalah salinan kad pengenalan, lesen memandu CDL, slip kehadiran kursus JPJ L2C dan borang pemeriksaan kesihatan borang JPJ L8A.
3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, masalah yang dihadapi adalah bilangan calon yang tinggi dan perlu dilesenkan sebelum 12 Oktober 2019 menyebabkan proses pengeluaran lesen memandu mengambil masa yang lebih panjang berbanding biasa.
4. Dalam hal ini, Jabatan telah mengambil inisiatif-inisiatif berikut dalam memastikan calon-calon yang lulus ujian dapat dilesenkan sebelum 12 Oktober 2019 adalah seperti berikut;
  - i. mensijilkan Pengajar Institut Memandu (IM) dan E-Hailing Operator (EHO) yang berkelayakan dan diiktiraf untuk mengajar kursus Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) Teksi/ E-Hailing;
  - ii. melaksanakan konsep latihan secara digital/ atas talian secara (e-PSV – e-Learning PSV) sehingga 12 Oktober 2019 di samping

calon boleh menghadiri kursus ceramah enam (6) jam di IM dan EHO;

- iii. mengadakan ujian teori bagi Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) Teksi/ E-Hailing (*mass exam*) secara berkelompok di seluruh Malaysia bermula 24 Jun 2019 sehingga 31 Julai 2019;
- iv. mengadakan ujian teori bagi Lesen Vokasional Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) Teksi/ E-Hailing (*mass exam*) secara berkelompok di Selangor bermula 3 September 2019 sehingga sekarang;
- v. menambah kekuatan anggota di kaunter untuk proses pengeluaran lesen; dan
- vi. memberi kebenaran kepada semua JPJ Negeri dan Cawangan untuk memproses pengeluaran lesen dengan tidak mengambil kira lokasi asal pusat ujian calon.

Sekian, terima kasih.